

Pengurusan beretika perlu jadi amalan: PM

Abdullah mahu sektor awam, swasta semai benih amalan baik

Oleh Azman Zakaria
dan Azman Mahmood

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, penting bagi sesebuah negara, terutama negara membangun untuk mengambil langkah berkesan dalam memastikan prinsip ketelusan, keberkesanan dan pengurusan beretika diamalkan dalam kedua-dua sektor kerajaan dan swasta.

Untuk membolehkan integriti, ketelusan, amalan beretika lahir dan diamalkan dalam sektor kerajaan dan swasta, Perdana Menteri berkata, langkah sewajarnya perlu dimulakan dengan menyemai benih amalan baik itu dalam hati dan minda rakyat.

"Saya percaya kepemimpinan beretika adalah cabaran terbesar dihadapi sebahagian besar masyarakat dunia.

"Kerajaan, syarikat multinasional

dan kumpulan pertubuhan, malah unit keluarga individu menjadi lebih kukuh menerusi kepemimpinan berasaskan prinsip ini," katanya pada perutusan sempena Forum Dunia Etika dan Ketelusan di sini, semalam.

Forum dua hari bermula semalam itu dianjurkan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) dan Transparency International Malaysia (TIM) dengan sokongan Institut In-

“Hanya dengan bekerjasama kita berjaya mencapai matlamat lahirkan masyarakat amal tadbir urus baik”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

tegriti Malaysia (IIM), Konrad Adenauer Foundation dan Caux Round Table. Ia bertemakan Ke Arah Mempertingkatkan Ketelusan Bagi Daya Saing Global.

Abdullah berkata, tema itu beresuaian kerana pelabur global kini mula mengambil kira etika dan ketelusan dalam membuat pelaburan.

"Malah, pelaburan kebiasaannya tertumpu di negara yang kerajaan dan sektor swastanya mengamalkan secara jelas ketelusan, keberkesanan dan pengurusan beretika.

"Justeru, adalah penting bagi sesebuah negara terutama negara membangun mengambil langkah berkesan memastikan prinsip ini dijadikan pegangan," katanya.

Di Malaysia, katanya, kerajaan melaksanakan usaha menggalak dan meningkatkan amalan nilai baik, etika dan moral sebagai satu keutamaan negara dengan melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang

menyediakan arah dan garis panduan bagi semua sektor meningkatkan tahap integriti.

Katanya, kurikulum di sekolah dan universiti juga dikaji dengan matlamat untuk turut memberi keutamaan kepada pembangunan nilai moral dan etika.

Beliau berkata, ia satu cara memastikan generasi muda diberi peluang mempelajari pelbagai nilai moral dan dilema etika yang akan dihadapi mereka bagi membantu mereka membuat keputusan tepat.

Abdullah berharap peserta forum itu memperkembangkan idea dibincangkan dan melaksanakannya dalam organisasi dan bidang masing-masing.

"Hanya dengan bekerjasama kita akan berjaya mencapai matlamat melahirkan masyarakat mengamalkan tadbir urus baik dan mendukung nilai etika, integriti dan ketelusan," katanya.